

# 2,800 cakera padat cetak rompak dirampas

Sinar Harian

10/06/2010

MIS N 14

MUAR – Pejabat Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi Dan Kepenggunaan (PPDNKK) cawangan Muar merampas 2,800 keping cakera padat (CD) cetak rompak bernilai RM15,000.

Rampasan tersebut hasil serbuan sejak seminggu lalu daripada 10 peniaga di beberapa premis perniagaan sekitar Muar dan Tangkak yang dikenal pasti menjadi 'hot spot' tempat menyimpan dan menjual CD cetak rompak.

Ketua Cawangan PP-DNKK Cawangan Muar, Mohd Basha Abidin Ali berkata, kejayaan itu adalah lanjutan daripada Kempen Gerak Gempur Cetak Rompak yang dilancarkan baru-baru ini.

Menurutnya, terbaru satu serbuan telah dila-



● Mohd Basha (kanan) memeriksa CD cetak rompak yang dirampas PPDNKK dalam Kempen Gerak Gempur Cetak Rompak, semalam.

kukan di sebuah premis 'hot spot' di Bandar Muar, kelmarin.

"Dalam serbuan ini

sebanyak 569 keping CD cetak rompak bernilai RM2,840 dirampas daripada seorang lelaki berumur

30-an yang juga pemilik perniagaan," katanya dalam sidang media di bilik mesyuarat PPDNKK di sini, semalam.

Katanya, kesemua peniaga itu sedang ditahan untuk siasatan lanjut dan akan didakwa di mahkamah tidak lama lagi.

"Kes disiasat di bawah Akta Hak Cipta 1987 dan Perintah Perihal Daganan (Label Cakera Optik) 2010 yang membawa hukuman denda tidak kurang RM2,000 bagi setiap salinan dan penjara tidak melebihi lima tahun.

"Manakala bagi kesalahan di bawah Label Cakera Optik 2010 pula, hukuman yang dikenakan ialah denda tidak melebihi RM100,000 atau tiga tahun penjara," katanya.